

# PM minta NGO bantu dedah kelemahan program sosial

Oleh Mohd Azlan Jaafar  
dan Zainab Mohd Yatim

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Badawi berkata, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) harus proaktif menyuatkan pandangan serta menunjukkan kelemahan program sosial supaya ia dapat diperbaiki secara bersama.

Perdana Menteri mengumpamakan NGO sebagai mata dan telinga kerajaan yang mengawasi dengan memaklumkan tanpa rasa takut atau berat sebelah kekurangan sistem pentadbiran dan program kerajaan.

Beliau berkata, pentadbirannya mengamalkan dasar terbuka serta sedia mendengar pandangan dan kritikan membina bagi memperbaiki keberkesanan program sosial yang dilaksanakan.

"Saya mahu idea kelas pertama.

Penekanan mesti kepada kesanggupan bekerjasama supaya kita mencapai kebijaksanaan bersama," katanya ketika membuka sesi majlis Perundingan Bajet 2005 bersama Wakil NGO di Kementerian Kewangan pagi semalam.

Turut hadir Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Sesi perundingan dengan NGO itu membincangkan aspek sosial dan kemasyarakatan dalam usaha membentuk masyarakat yang bertanggungjawab dan prihatin.

Ia adalah sesi terakhir selepas dua majlis sebelum ini membincangkan aspek ekonomi makro dan isu pembangunan pelbagai sektor yang diadakan minggu lalu.

Maklum balas, saranan dan cada-

ngan semua sektor berkenaan dinilai dan digunakan kerajaan dalam merangka Bajet 2005 yang dibentangkan 10 September ini.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan boleh menyediakan bangunan cantik tetapi kemudahan itu tidak memberi makna jika mereka yang bekerja gagal memberikan idea baik.

"Saya sudah menekankan kepada keutamaan idea baik. Jika ia idea baik, saya terima. Kita mesti bersikap terbuka kepada idea yang dapat diterjemahkan kepada program yang baik," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan NGO mewujudkan sikap positif di kalangan ahli mereka supaya pandangan negara luar terhadap imej Malaysia lebih seimbang.

"NGO harus berusaha menunjukkan kelebihan kita sebagai kekuatan untuk dicontohi dan ke-

kurangan sebagai kelemahan yang akan ditangani dan diperbaiki darisemasa ke semasa," katanya.

Abdullah berkata, masyarakat yang bertanggungjawab dan prihatin tidak terbentuk dengan sendiri dan nilai murni serta sikap berkenaan perlu ditanam dan dipupuk dalam setiap individu secara bertepatan.

"Ia satu proses dan pendekatan yang perlu dilaksanakan secara kolektif antara semua pihak. Ia adalah modal sosial yang akan menyumbang secara kualitatif kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata, kualiti hidup rakyat dalam tempoh dua dekad iaitu antara 1980 hingga 2000 mencatatkan peningkatan tinggi berikutan kejayaan pelbagai dasar yang dilaksanakan kerajaan.

Katanya, indeks kualiti hidup rak-

yat dalam tempoh itu meningkat 22.4 mata dalam semua 11 bidang kehidupan kecuali keselamatan awam dan kualiti alam sekitar.

"Bagaimanapun kerajaan akui banyak yang perlu dilakukan dan ada yang perlu dibaiki.

"Keutamaan kerajaan mahu menghapuskan kemiskinan tegar. Walaupun jumlah golongan itu hanya satu peratus, kerajaan tidak mahu melihat ada rakyat di negara ini yang melarat.

"Justeru, kerajaan kini mengkaji semula konsep dan definisi kemiskinan secara menyeluruh iaitu dengan mengambil kira elemen seperti kos kehidupan di sesuatu kawasan serta bilangan anggota keluarga.

"Ini penting untuk mendapat gambaran lebih tepat mengenai masalah kemiskinan golongan sasaran yang patut menerima bantuan," katanya.